


Sentuhan Prof Dr Latif diiktiraf

Seperang bersama penerima anugerah Tokoh Akademik Negara

WALAU PUN sibuk dengan kerja-kerja akademik, Profesor Emeritus Datuk Dr Abdul Latif Ibrahim sedia meluangkan masa untuk berkongsi idea. Sekali dihubungi menerusi telefon beliau terus bersetuju untuk satu temujanji di pejabatnya di Universiti Industri Selangor (Unisel) kampus Shah Alam.

Beliau menjadi perbualan terutama dalam kalangan akademik apabila prof berusia 75 tahun ini menerima anugerah Tokoh Akademik Negara. Secara santai beliau berterus terang dalam satu sembang petang bersama **Penasihat Eksekutif Editorial Sinar Harian, Datuk Abd Jalil Ali, wartawan Siti Nursyahidah Abu Bakar dan jurufoto Rosli Talib.**



Tahniah atas anugerah yang diterima. Tetapi mungkin ramai tidak sedar adanya anugerah tertinggi akademik seperti ini. Bolehkah Prof kongsi mengenai anugerah Tokoh Akademik Negara?

Sebenarnya anugerah ini sudah diperkenalkan sejak lima tahun lalu oleh Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan kecemerlangan dalam pendidikan. Ia merupakan pengiktirafan tertinggi dan menjadi impian semua ahli akademik.

Beberapa orang tokoh akademik negara telah menerima anugerah ini, termasuk Prof Diraja Ungku Aziz. Tahun ini, saya memengangnya untuk kategori sains, manakala Prof Emeritus Datuk Nik Safiah Abdul Karim bagi kategori sastera (bahasa).

Apakah kriteria untuk dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Negara?

Banyak, tetapi yang penting ialah sumbangan individu itu untuk pembangunan negara terutamanya bidang pendidikan dan penyelidikan. Hasil kerja juga mestilah mendapat pengiktirafan bukan saja di dalam negara, malah di peringkat antarabangsa. Memang sukar untuk menentukan siapa yang layak. Selain itu, kriteria lain yang diambil kira ialah telah berkhidmat lebih 10 tahun dengan sekurang-kurangnya gelaran Profesor.

Untuk anugerah ini, sumbangan saya dinilai berdasarkan perkhidmatan saya di tiga tempat iaitu di Universiti Putra Malaysia (UPM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) dan Universiti Industri Selangor (Unisel).

Di UPM, saya berkhidmat selama 12 tahun. Kemudian, saya dijemput oleh Mosti untuk mengetuai bahagian Direktorat Bioteknologi Kebangsaan selama 8 tahun. Sebagai Pengarah Urusan di agensi tersebut, saya ditugaskan untuk membangunkan bio-teknologi di Malaysia.

Sebagai anak jati Selangor, saya lahir di Kajang, saya merasakan sudah tiba masa untuk berkhidmat di negeri pula. Kebetulan saya mendapat tawaran daripada Dr Khir Toyo (Menteri Besar Selangor ketika itu) untuk berkhidmat di Unisel. Saya mula berkhidmat di Unisel pada 2003.

Apa pencapaian atau sumbangan terbesar Prof yang membawa kepada pengiktirafan ini?

Antara sumbangan terbesar saya ketika di UPM ialah kejayaan menghasilkan vaksin sampar ayam yang digunakan di seluruh dunia. Secara peribadi saya amat puas hati melakukan kerja-kerja penyelidikan sehingga akhirnya berjaya menemukan vaksin yang amat penting ini.

Selain itu, mungkin panel menilai sumbangan saya dalam membawa pendidikan veterinar sehingga setaraf dengan negara lain seperti Amerika Syarikat dan Australia. Ketika di Mosti pula, saya telah mewujudkan Institut Bioteknologi Kebangsaan. Antara salah satu projek yang berjaya ialah membangunkan projek Malaysia-MIT Biotechnology Partnership Programme.

Bercakap mengenai bioteknologi, mungkin ramai dalam kalangan orang biasa yang masih belum memahami istilah ini. Apa yang boleh Prof jelaskan mengenai bioteknologi?

Bioteknologi bukanlah perkara baru. Jika mahu dilihat dari sudut klasikal, kita sudah lama mengaplikasikannya seperti dalam pembuatan tapai dan tempe. Semuanya menggunakan mikroorganisma sebagai 'jinji' yang mengeluarkan benda yang sesuai. Cuma dulu, kita tidak tahu apa kulat itu buat dalam tapai dan tempe.

Apabila kita mengkaji dengan mendalam bidang teknologi ini, barulah kita tahu yang bertanggungjawab dalam proses itu ialah DNA. Dari situ, kita eksploitasi DNA tersebut sehingga wujudlah bioteknologi moden. Satu daripada projek yang besar ketika itu ialah untuk mengetahui DNA manusia.

Berbalik kepada sampar ayam, berapa lama masa yang Prof ambil untuk menyiapkan kajian vaksin sampar ayam?

Ramai orang bercakap pasal inovasi. Bagi saya, inovasi itu ialah kita lihat apa yang semua orang buat, tetapi kita juga perlu fikirkan apa yang mereka tidak buat. Apa yang penting ialah kita berani buat sehingga idea itu boleh dikomersialkan.

Masalah yang saya nampak ketika itu ialah sampar ayam, atau sakit ayam, yang menjangkiti ayam kampung. Untuk mengatasinya, ramai yang beri suntikan kepada ayam mereka. Tetapi, suntikan itu tidak berjaya kerana sukar untuk menangkap ayam. Lalu, saya terfikir untuk mencampurkan vaksin dalam makanan ayam.

Namun, masalah vaksin ialah cepat mati. Saya cuba cari DNA yang tahan suhu dan boleh melekat pada makanan ayam. Vaksin itu tidak berjaya kerana tidak tahan dengan jus gastrik di dalam perut ayam. Saya cuba dan terus mencuba DNA yang sesuai sehinggalah berjaya. Semua proses ini memakan masa hampir tiga tahun.

Orang Malaysia ketika itu masih belum yakin dengan penemuan dan kajian saya. Tetapi, Australia tertarik dengan kajian saya dan menawarkan geran lebih RM4 juta untuk membangunkan kajian.

Australia tidak pernah dijangkiti sampar ayam, tetapi mereka berpandangan jauh mahu bersedia awal sebelum masalah itu menjangkiti industri ternakan mereka. Dalam tempoh beberapa tahun kemudian, Australia hantar vaksin yang tidak digunakan ke negara lain seperti Afrika melalui projek bantuan perubahan.

Vaksin sampar ayam yang Prof temui telah dipatenkan supaya tidak boleh ditiru atau oleh pihak lain. Berapakah jangka hayat paten untuk tersebut dan bagaimanakah dengan pembayaran royalti terhadap penemuan tersebut?

Jangka hayat paten untuk vaksin ketika itu lima tahun. Orang lain boleh mengkaji vaksin itu tetapi tidak boleh dikomersialkan. Saya telah memberi hak kepada sebuah syarikat di Australia. Royalti disalurkan kepada UPM sebagai institusi tempat saya bekerja.

Bercakap mengenai royalti, ada banyak penyelidikan yang dilakukan universiti. Tetapi, tidak banyak yang diketahuhi. Adakah kerana tiada pengiktirafan antarabangsa atau kajian itu disorokkan oleh universiti atas kepentingan tertentu?

Saya tidak berasa begitu kerana kebanyakan kajian adalah untuk dikomersialkan. Cuma kelemahan penyelidik ialah mereka tidak tahu kehormatan industri. Malah, tidak banyak kolaborasi antara industri dengan universiti. Namun, bagi penyelidik, kajian mereka adalah untuk membolehkan kenaikan pangkat. Jadi, timbulnya konflik kepentingan.

Pada pandangan Datuk, berapa peratuskah kajian yang betul-betul bermanfaat kepada industri?

Niat ketika mahu membuat kajian memanglah kepada universiti. Tetapi apabila tiba ke implementasi, kurang penglibatan industri. Cuba kita bawa industri daripada awal. Seperti ketika saya belajar di Universiti California, Amerika Syarikat semua penyelidikan adalah untuk memenuhi keperluan industri. Sedangkan, pihak industri kita hanya terlibat ketika penyelidikan sudah hampir siap.

Dalam waktu sama industri juga ada team penyelidik mereka sendiri. Selain itu, kita juga lemah di peringkat pembangunan walaupun penyelidikan kita kuat. Tetapi sekarang kita sudah ada dana untuk komersialkan kajian.

Adalah perkara biasa jika penyelidik tidak ambil dana kerana peruntukan diberikan kurang daripada apa yang diperlukan. Mosti juga sebelum beri dana, akan tanya penyelidik siapakah rakan industri mereka. Kadang-kadang, industri juga ada sediakan peruntukan untuk penyelidikan yang mereka mahu. Team penyelidikan tidak kira di menara gading mahu pun di pihak industri perlu berkolaborasi.



Abdul Jalil tidak melepaskan peluang bergambar dengan piala Tokoh Akademik Negara diterima Dr. Abdul Latif.